

Kerajaan tubuh jawatankuasa petugas

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KERAJAAN akan membentuk sebuah jawatankuasa petugas bagi industri percetakan untuk mengkaji semula perkembangan dan mengenal pasti masalah yang menghalang pertumbuhan industri itu.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datin Paduka Rafidah Aziz, berkata jawatankuasa petugas itu akan berusaha menggalakkan penggunaan kegiatan termoden dalam industri berkenaan selain menggalakkan eksport.

"Pencapaian industri percetakan tempatan tidak memuaskan walaupun ia sudah lama ditubuhkan," katanya ketika merasmikan majlis dialog selepas Belanjawan dengan sektor swasta di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Kuala Lumpur semalam.

Menteri itu berkata kerajaan juga sedang menimbangkan kemungkinan memberi bantuan kewangan bagi meransangkan pertumbuhan industri percetakan tempatan.

Pelbagai program latihan akan dikendali-

kan oleh institut latihan Mara dan pelbagai institut latihan teknikal yang lain bagi menambah bilangan kakitangan terlatih dalam sektor itu.

"Usaha akan dipergiatkan untuk memberi kemudahan latihan kepada perusahaan yang layak mendapat potongan dua kali ganda bagi latihan," katanya.

Datin Paduka Rafidah berkata selain itu, kerajaan juga akan terus mengadakan dialog dengan industri percetakan bagi membincangkan pelbagai isu yang berkaitan dengan Akta Penerbitan dan Kegiatan Percetakan.

"Kerajaan juga akan mengkaji cukai import ke atas bahan mentah yang digunakan oleh industri percetakan. Ada kemungkinan cukai itu akan dikurangkan atau dihapuskan sama sekali," katanya.

Beliau berkata kerajaan juga akan mempergiatkan usaha mengenal pasti pasaran bagi industri percetakan tempatan.



DATIN PADUKA RAFIDAH